



buletin

Rancangan Selangor

BULETIN JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR

BIL 1/2011

Menarik di dalam

KAJIAN SEMULA RANCANGAN FIZIKAL NEGARA (RFN 2)

*Central Forest Spine :
Masterplan For Ecological Linkages*



KEAHLIAN JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN - 2011

DAFTAR NAMA KEAHLIAN JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN 2011

1



2



1. Pengerusi

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
Dato' Menteri Besar Selangor

2. Timbalan Pengerusi

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan,
Pengurusan Bangunan dan Selangor

3. Ahli

Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawir
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

4. Ahli

Y.B. Datuk Paduka Zauyah Binti T. Loth Khan
Pensihat Undang-Undang Negeri Selangor

5. Ahli

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Abd. Rahman
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

6. Ahli

Y.B. Dato' Dr. Hassan bin Mohamed Ali
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam,
Adat-adat Melayu, Infrastruktur & Kemudahan
Awam

7. Ahli

Y.B. Dr. Yacob bin Saperi
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan
Pertanian, Pengurusan Sumber Alam &
Pembangunan Sumber Alam

8. Ahli

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan
Ternakan, Kajian & Penyelidikan

9. Ahli

Y.B. Puan Wong Keat Ping @
Elizabeth Wong
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Alam Sekitar

10. Ahli

Y.Bg. Dato' Moordin bin Sulaiman
Pengerusi (TSUK Pembangunan)
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor

11. Ahli

Y.Bg. Dato' Abd. Nasir bin Hassan
Pengerusi Pejabat Tanah dan Galian Negeri
Selangor

12. Ahli

Tn. Ir. Abdullah bin Abd. Rahman
Pengerusi Jabatan Kerja Raya Negeri
Selangor

13. Ahli

Y.Bg. Tuan Hj. Abdul Ghani bin Salleh
Pengerusi Pembangunan Negeri Selangor

14. Ahli

Y. Bg. Datin Paduka Che Asmah binti Ibrahim
Pengerusi Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

15. Ahli

Y. Bg. Tuan Ir. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin
Pengerusi Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
Selangor

16. Ahli

Y. Bg. Tuan Zakaria bin Mohamed
Pengerusi Jabatan Mineral dan Geosains

17. Ahli

Y. Bg. Tuan Ahmad Zakaria bin
Mohamad Sidek
Pengerusi Pertanian Negeri Selangor

18. Ahli

Y. Bg. Datin Paduka Alina binti Hassan
Pengerusi Lembaga Perumahan dan Hartanah
Selangor

19. Setiausaha

Y.Bg. Dato' Hj. Mohd. Jafar bin
Hj. Mohd. Atan
Pengerusi Jabatan Perancangan Bandar dan
Desa Negeri Selangor

20. Ahli

Pengerusi Lembaga Urus Air Selangor

KANDUNGAN

Keshlian Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor	2
Ucapan Aluan Pengarah	4
Kajian Semula Rancangan Fizikal Negara (RPN 2) – Mesyuarat JPNS Bil. 1/2010	5
Central Forest Spine : Masterplan For Ecological Linkages – Mesyuarat JPNS Bil. 1/2010	8
Penyediaan Kawasan Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah – Mesyuarat JPNS Bil. 1/2010 Dan Kos Sederhana Secara Berintegrasi Dengan Perumahan Kategori Lain Di Dalam Perancangan Tatafatur Pembangunan Perumahan	12
Keperluan Tanah Perkuburan Dan Cadangan Tanah Perkuburan Wilayah – Mesyuarat JPNS Bil. 3/2010 Bersepadu Di Negeri Selangor	15
Pemohonan Mewariskan Rizab Pantai Di Negeri Selangor – Mesyuarat JPNS Bil. 4/2010	20
Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Oleh Pihak Berkuasa – Mesyuarat JPNS Bil. 5/2010 Perancang Tempatan - Pembatalan Keputusan Penetapan Tempoh Arahan Pematuhan Mengikut Subseksyen 21(4), Akta 172 dalam Kertas JPNS Bil. 1/2009 bertarikh 17 Februari 2009	24
Pembatalan Rancangan-Rancangan Struktur Di Peringkat Pihak Berkuasa – Mesyuarat JPNS Bil. 5/2010 Tempatan Dan Daerah Yang Telah Diwartakan Sebelum Pewartaan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020	25
Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor – Mesyuarat JPNS Bil. 5/2010 Sehingga Oktober 2010	27
Bilangan Kertas Yang Dibentangkan Ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2010	31
Senarai Kertas-Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2010	32

SIDANG PENGARANG

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Hj. Mohd. Jaafar b. Hj. Mohd. Atan

Ketua Pengarang

En. Saidin b. Lateh

Pengarang

En. Mohd. Zainuddin b. Jumaat

Pn. Suzila bt. Mohammed Suri

Penyumbang Artikel

Pn. Hairulliza bt. Abdul Rahman

En. Rozwan b. Ab Ilah

Unisetia

En. Amarakan a/l Karthigasu

En. Rahmie b. Ibrahim

Pn. Eleanor Shidah bt. Kamarul Ariffin

Pn. Suzlanah bt. Mustapha

BULETIN RANCANG SELANGOR

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor,

Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan,

No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,

40646 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-5511 6666

Faks : 03-5511 3557

Laman web : www.jpbdselangor.gov.my

UCAPAN ALUAN

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah kerana dengan limpah kurniaNya, Buletin Rancang Bil. 1/2011 ini berjaya dihasilkan. Buletin ini diterbitkan selaras dengan Perenggan 4(4)(c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [akta 172] yang telah diperuntukkan sebagai salah satu fungsi Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu mengusahakan penyiaran buletin yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan keputusan-keputusan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa.

Buletin Rancang ini adalah salah satu instrumen perancangan yang boleh dijadikan rujukan khas oleh semua pihak-pihak yang berkepentingan. Buletin Rancang Bil. 1/2011 ini memuatkan sebanyak lapan (8) artikel yang dipilih dari kertas-kertas Mesyuarat JPNS yang telah bersidang sepanjang tahun 2010.

Sehingga akhir tahun 2010, Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali seperti berikut:

- | | |
|---------------------------------|-----------------------|
| i. Mesyuarat JPNS Bil. 1/2010 | - 2hb Februari 2010; |
| ii. Mesyuarat JPNS Bil. 2/2010 | - 20hb April 2010; |
| iii. Mesyuarat JPNS Bil. 3/2010 | - 22hb Jun 2010; |
| iv. Mesyuarat JPNS Bil. 4/2010 | - 17hb Ogos 2010; dan |
| v. Mesyuarat JPNS Bil. 5/2010 | - 2hb Disember 2010. |

Secara keseluruhannya menerusi lima (5) mesyuarat tersebut, terdapat 45 kertas ringkasan telah dibentangkan yang merangkumi 6 kertas berkaitan dasar/ garis panduan, 13 kertas berkaitan penyediaan Rancangan Pemajuan, 9 kertas berkaitan pengawalan perancangan dan 17 kertas berkaitan arahan / makluman.

Akhir kata, adalah diharapkan penerbitan buletin ini dapat dijadikan sebagai asas rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat.

Wassalam.



Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd. Jaafar b. Hj. Mohd. Atan
(DPMS, PSK, BKT, AMN, PPT, PJK)
Pengerah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor

Merangkap
Setiausaha Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor.



KAJIAN SEMULA RANCANGAN FIZIKAL NEGARA (RFN 2)

*Jawatan Kuasa Perancang Negeri
Selangor Bil. 1/2010 yang bersidang
pada 2hb. Februari 2010 berseutu
untuk:-*

- i. Mengambil maklum mengenai penyediaan Draf RFN 2 dan bersetuju ianya dibawa kepada MPRN untuk kelulusan.
- ii. JPBD Selangor diarah supaya membuat semakan terhadap Draf RFN 2 berbanding RFN sedia ada dan mengambil kira dasar-dasar yang berkaitan untuk diterjemah di dalam perancangan pembangunan di Negeri Selangor.
- iii. Dasar-dasar mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan lembangan sungai di Negeri Selangor diambil kira di dalam penyediaan RFN 2. Empat (4) lembangan sungai sedia ada di Negeri Selangor adalah Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Selangor, Lembangan Sungai Bernam dan Lembangan Sungai Klang.

LATAR BELAKANG

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi maksud menentukan arah tuju kemajuan fizikal bagi seluruh Semenanjung Malaysia. RFN yang pertama telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara pada 26 April 2005. Fungsi RFN ialah;

- i. Memperkukuhkan perancangan pembangunan negara dengan memberikan dimensi spatial kepada dasar-dasar sosio-ekonomi negara;
- ii. Menyelaras keputusan dan tindakan agensi perbagai sektor yang terlibat dengan pembangunan fizikal;
- iii. Mewujudkan satu kerangka spatial bagi perancangan di peringkat wilayah, negeri dan tempatan; dan
- iv. Menyediakan dasar-dasar perancangan fizikal bagi memastikan pembangunan mampan.

Penyediaan RFN diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Subseksyen 6B(1) Akta 172, menetapkan supaya Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa menyediakan dan mengemukakan suatu draf Rancangan Fizikal Negara bagi kelulusan Majlis Perancang Fizikal Negara.

Bagi memastikan RFN terus relevan dalam keadaan pembangunan negara yang sentiasa berubah, Subseksyen 6B(4) Akta 172 memperuntukkan supaya RFN dikaji semula selaras dengan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara. JPBD Semenanjung Malaysia telah menyediakan kajian semula Rancangan Fizikal Negara bermula pada Februari 2009 dan perlu disiapkan pada bulan Mac 2010 untuk memastikan dasar-dasar RFN ini dapat diambil kira dalam RMK-10. Penyediaan RFN2 ini telah melibatkan dan mendapat maklum balas semua pihak berkaitan termasuk ke menteri-an-ke-menterian,

agensi-agens di peringkat pusat dan negeri, badan berkanun dan syarikat swasta, institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan melalui beberapa siri perbincangan teknikal yang diadakan di setiap peringkat penyediaan.

Draf RFN2 ini telah diangkat ke Mesyuarat JPNS Bil. 1/2010 bertarikh 2 Februari 2010 bagi memenuhi keperluan Subseksyen 6B(3) Akta 172 yang telah menetapkan supaya draf Rancangan Fizikal Negara yang disediakan untuk dikemukakan kepada MPFN, hendaklah terlebih dahulu dirunding dengan tiap-tiap Pihak Berkuasa Negeri.

RANGKA PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA



OBJEKTIF RFN 2

1. Merasionalisasi Dan Menyediakan Rangka Kerja Perancangan Spatial Negara Dengan Disokong Oleh Infrastruktur Strategik Untuk Mencapai Ekonomi Yang Efisien Dan Berdaya Saing Global.
2. Mengoptimum Penggunaan Tanah Dan Sumber Asli Untuk Mencapai Pembangunan Mampan Dan Pemeliharaan Biodiversiti.
3. Menggalakkan Pembangunan Wilayah Seimbang Bagi Integrasi Spatial Dan Perpaduan Negara.
4. Meningkatkan Kualiti Spatial Dan Persekitaran, Keselamatan Dan Kepelbagaian Untuk Mencapai Kualiti Hidup Yang Tinggi.
5. Mengintegrasikan Hubungan Antara Negeri Yang Lebih Efisien Dan Peruntukan Ruang Awam Bagi Interaksi Sosial Dan Komuniti Mampan Selaras Dengan Konsep 1 Malaysia.





STRATEGI PEMBANGUNAN RFN 2 – “CONCENTRATED DECENTRALISATION”

- RFN 2 mencadangkan strategi pembangunan **“Concentrated Decentralisation”** sebagai penggerak utama pembangunan fizikal negara. Menerusi strategi ini fokus pembangunan adalah di sepanjang koridor yang berpotensi iaitu:
 - Koridor Utara Selatan
 - Koridor Pantai timur
 - Koridor tengah
- Konsep **“Concentrated Decentralisation”** menganjurkan supaya pembangunan bukan sahaja tertumpu kepada conurbation tetapi lebih seimbang dengan tumpuan juga di lokasi-lokasi terpilih dalam koridor pertumbuhan.
- Fokus Pembangunan Sepanjang Koridor Yang Berpotensi**
 - Inisiatif pembangunan contohnya pembangunan bandar dan perindustrian, pertanian dan pelancongan ditumpukan di lokasi terpilih dalam koridor pertumbuhan ini.
 - Strategi ini bertujuan supaya pembangunan **tidak disebar di merata tempat yang akan menyebabkan pembaziran dan ketidakkeberkesanan penggunaan sumber.**
 - Mengoptima dan menekankan rangkaian pengangkutan, infrastruktur dan servis bandar
- Fokus Terhadap *Conurbation* Terpilih Dan Kawasan Bandar Utama
 - Mengelakkan rebakan Bandar
 - Empat *conurbation* Pertumbuhan Utama** iaitu Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bharu dan Kuantan akan menjadi pusat utama bagi pelaburan asing dan tempatan. Fungsi ini akan **disokong** oleh *conurbation* pertumbuhan yang lain iaitu Melaka dan Ipoh serta ibu negeri yang lain yang berfungsi sebagai *conurbation* pertumbuhan negeri.
 - Shah Alam adalah sebahagian daripada **Conurbation Kuala Lumpur** yang merupakan **Conurbation Pertumbuhan Negara** iaitu kawasan tumpuan utama di negara ini.
- Menggalakkan Aktiviti Perbandaran Bagi Memajukan Pembangunan Bandar
 - Meningkatkan rangkaian dan mencapai keseimbangan wilayah.
- Menyediakan Kemudahan Bagi Pemajuan Eko-Pelancongan Dan Sumber Pertanian
 - Menggalakkan pembangunan potensi tempatan dan melibatkan komuniti tempatan dalam ekonomi moden.



CENTRAL FOREST SPINE : MASTERPLAN FOR ECOLOGICAL LINKAGES

*Jawatankuasa Perancang Negeri
Selangor Bt. 1/2010 yang bersidang
pada 2hb. Februari 2010 berseutu
terhadap :-*

- i. Strategi pelaksanaan dan kajian
*Central Forest Spine : Masterplan For
Ecological Linkages* terutama SL3;
- ii. Garis panduan digunakan dalam
perancangan melibatkan kawasan
"linkages" SL3; dan
- iii. Penyediaan Pelan Tindakan dan
rundingan berterusan di kawasan SL3
bersama PTD Kuala Selangor, PTD Hulu
Selangor, MDKS, MDHS dan jabatan -
jabatan teknikal berkaitan.

LATAR BELAKANG

JPBD Semenanjung Malaysia telah menyiapkan kajian mengenai *Central Forest Spine (CFS) : Masterplan For Ecological Linkages* selaras dengan polisi ke-19 di dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) iaitu CFS akan diwujudkan bagi membentuk tulang belakang rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Rancangan Fizikal Negara (RFN) telah mengenalpasti fragmen hutan sebagai ancaman kepada pemuliharaan hutan dan perlindungan biodiversiti. RFN turut menyedari bahawa pemuliharaan hutan penting dalam pengurusan tanah negara yang optimum. Kepebagiaan penggunaan kawasan hutan akan lebih dipertingkatkan melalui pengenalpastian kawasan CFS dan

program untuk mewujudkan jaringan dan koridor ke kawasan hutan simpan yang lebih terpencil.

Penyatuan kawasan fragmen hutan ini sangat penting dalam mewujudkan keseimbangan dan faedah di antara arus pembangunan dan aktiviti pemuliharaan (RFN, 2005).

Menyadari betapa pentingnya kewujudan penyatuan fragmen hutan tersebut, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, telah menyediakan satu kajian pelan induk dengan objektifnya untuk mewujudkan semula hubungan, jaringan dan mengekalkan ataupun memulihara hubungan tersebut bagi kawasan hutan yang telah terpisah di kawasan CFS Semenanjung Malaysia.



Kawasan Liputan Pelan Induk

CFS merangkumi kawasan hutan yang tergolong di dalam kelompok kompleks hutan di Semenanjung Malaysia. CFS seperti yang diterjemahkan di dalam RFN merupakan tulang belakang bagi rangkaian Persekitaran Kawasan Sensitif dalam Semenanjung Malaysia, yang terdiri daripada empat kelompok hutan iaitu:

- i. Banjaran Titiwangsa - Banjaran Bintang - Banjaran Nakawan;
- ii. Taman Negara - Banjaran Timur;
- iii. Pahang Tenggara, Chini dan kawasan berpayu Bera; dan
- iv. Taman Negara Endau Rompin - Rezab Hidupan Liar Kluang.

Kawasan liputan Pelan Induk bagi Koridor Ekologi meliputi kawasan:

- a. **CFS 1** seluas kira-kira 3 juta hektar iaitu dari barat negeri Kedah sehingga bahagian timur Terengganu (Negeri Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang); dan

- b. **CFS 2** seluas kira-kira 2.3 juta hektar yang meliputi bahagian selatan Semenanjung Malaysia (di antara Negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor).

Kompleks-kompleks hutan yang terlibat di dalam kajian Pelan Induk ini adalah:

- a. Banjaran Titiwangsa - Banjaran Bintang - Banjaran Nakawan
- b. Taman Negara - Banjaran Timur
- c. Tanah Lembap Tenggara Pahang, Tasik Chini dan Tasik Bera
- d. Taman Negara Endau Rompin - Rizab Hidupan Liar Kluang

Objektif Pelan Induk

Pelan Induk ini akan menyumbang kepada visi keseluruhan CFS untuk mewujudkan kawasan pemuliharaan yang sesuai dan bersambung terdiri dari kawasan hutan dan bukan hutan yang akan dikekalkan sebagai '*green lung*' bagi rangkaian kawasan sensitif alam sekitar di Semenanjung Malaysia. Pelan Induk ini menyediakan rangka asas untuk:-



- Strategi rangkaian dalam mewujudkan kesinambungan di antara kompleks-kompleks hutan atau kelompok-kelompok hutan; di mana rangkaian utama dan rangkaian sekunder dikenalpasti.
- Usaha pencegahan, inisiatif dan tindakan yang diperlukan untuk melaksanakan Strategi dan Cadangan Rangkaian, dan
- Mekanisma pelaksanaan bagi melaksanakan kesinambungan koridor tersebut.

Keputusan dan keperluan mewujudkan kesinambungan di antara kompleks-kompleks hutan adalah penting bagi:-

- Pemeliharaan Alam Sekitar dan Biodiversiti;
- Pengawasan dan Pengurusan Kawasan Tadahan Air;
- Mengeksploitasi Pelancongan Berasaskan Alam Semulajadi dan Potensi Rekreasi;
- Pengurusan Hutan Bersepadu di antara Negeri; dan
- Meningkatkan Prestij Peringkat Antarabangsa.

Koridor Ekologi bagi CFS

- Dua jenis koridor ekologi iaitu Rangkaian Utama [*Primary Linkage* (PL)] dan Rangkaian Sekunder [*Secondary Linkage* (SL)], telah diwujudkan dalam kajian CFS. Setiap koridor akan membentuk sama ada sambungan '*linear corridor*' (iaitu rangkaian habitat hutan menghubungkan kepulauan hutan) atau '*stepping stones*' (iaitu sekelompok habitat yang sesuai).
- Bagi Negeri Selangor, rangkaian yang dikenalpasti adalah di dalam CFS 2 iaitu **Rangkaian Sekunder (SL) SL3: Hutan Simpan Raja Musa – Hutan Simpan Bukit Tarek – Hutan Simpan Bukit Gading yang terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor.**




Rangkaian Utama

- Paling Kritikal.
- Penting kepada mamalia besar.
- 'Linear corridors'.



Rangkaian Sekunder

- Keadaan di mana 'Primary Linkages' tidak sesuai diwujudkan.
- Spesies burung dan mamalia kecil.
- Pendekatan 'stepping stone' iaitu bagi mewujudkan kesinambungan di antara kelompok hutan yang terasing akibat aktiviti pembangunan.



Secara keseluruhannya, Kajian CFS ini menggariskan strategi pelaksanaan kajian *Central Forest Spine* : *Masterplan For Ecological Linkages* yang akan dilaksanakan melalui tiga peringkat utama iaitu peringkat kebangsaan, agensi utama dan agensi sampingan.



PENYEDIAAN KAWASAN PERUMAHAN KOS RENDAH, KOS SEDERHANA RENDAH DAN KOS SEDERHANA

Secara Berintegrasi Dengan Perumahan Kategori Lain Di Dalam Perancangan Tatatur Pembangunan Perumahan

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.3/2010 yang bersidang pada 22hb. Jun 2010 bersetuju terhadap:-

- i. **Pekeliling Setiausaha JPNS Bil. 1/2010** mengenai Penyediaan Kawasan Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Kos Sederhana Secara Berintegrasi Dengan Perumahan Kategori Lain Dalam Perancangan Tatatur Pembangunan **diluluskan dan dikuatkuasakan kepada semua PBPT** untuk digunakan semasa proses pertimbangan Kebenaran Merancang.

LATAR BELAKANG

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 2/2010 yang bersidang pada 30 April 2010 telah memberi perhatian dan membangkitkan isu berkaitan perancangan tatatur perumahan yang kurang memberi perhatian kepada pengintegrasian antara semua kategori perumahan dari segi lokasi dan kemudahan yang disediakan.


Tatatur perumahan sebegini telah mewujudkan pengasingan di dalam lokasi perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana yang sering ditempatkan di lokasi terpencil dari kawasan perumahan kos tinggi dan eksklusif di dalam pembangunan keseluruhan. Pengasingan pembangunan perumahan sebegini dikhuatiri akan mewujudkan kelompok-kelompok pembangunan dengan pengasingan kelas

masyarakat secara sosial dari segi tahap pendapatan dan penyediaan kemudahan-kemudahan awam yang kurang berkualiti di kawasan tersebut.

Selain mengelakkan pengasingan kawasan perumahan antara golongan masyarakat yang berbeza, JPNS juga mengambil maklum bahawa golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah mampu menyediakan gunatenaga bagi perkhidmatan-perkhidmatan sosial dan perniagaan informal yang diperlukan oleh golongan lain. Oleh itu pengintegrasian dari segi lokasi perumahan pelbagai kategori dapat membantu di dalam penyediaan perkhidmatan yang saling melengkapi keperluan antara semua golongan masyarakat setempat.

CONTOH-CONTOH PENYEDIAAN KAWASAN PERUMAHAN KOS RENDAH, KOS SEDERHANA RENDAH DAN KOS SEDERHANA SECARA BERINTEGRASI DENGAN PERUMAHAN KATEGORI LAIN DI DALAM PERANCANGAN TERATUR PERUMAHAN

Contoh 1




Contoh 2



Contoh 3

Dengan yang demikian, selaras dengan amalan perancangan terbaik, perancangan tatatur perumahan perlu menitikberatkan pengintegrasian antara semua kategori perumahan untuk mewujudkan pembangunan yang berharmoni, dilengkapi dengan kemudahan yang diperlukan, serta saling melengkapi dari segi perkhidmatan yang mampu disediakan untuk manfaat semua golongan masyarakat setempat.





PEKELILING SETIAUSAHA JPNS BIL. 1/2010

Pekeliling Setiausaha JPNS Bil. 1/2010 ini mengandungi keputusan JPNS Bil. 2/2010 yang perlu diambil tindakan oleh semua PBPT dan Jabatan-Jabatan Teknikal berkaitan di dalam proses pertimbangan kepada permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan perumahan seperti berikut:

- Memastikan pertimbangan kelulusan Kebenaran Merancang bagi kawasan pembangunan perumahan memberi penekanan kepada tata letak yang mengintegrasikan lokasi kawasan perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana secara bersepadu dengan kawasan perumahan kategori lain;
- Perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana diserakkan ke beberapa lokasi yang bersesuaian dan tidak dikumpulkan di lokasi yang terpencil di dalam kawasan pembangunan dan jauh dari kemudahan awam;

- Pengintegrasian fizikal jenis-jenis perumahan ini di dalam rekabentuk blok bangunan bertingkat atau di antara tingkat juga adalah amat digalakkan; dan
- Memastikan kemudahan-ke mudahan awam yang disediakan di kawasan pembangunan seperti kawasan lapang, kemudahan sekolah, kesihatan, perkilangan, pengangkutan dan sebagainya dapat dimanfaatkan bersama oleh bakal-bakal penghuni perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana untuk mewujudkan pembangunan yang harmoni antara masyarakat setempat.

Pekeliling ini hendaklah mendapat perhatian dan dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di Negeri Selangor dan berkuatkuasa dari tarikh Pekeliling dikeluarkan.



KEPERLUAN TANAH PERKUBURAN DAN CADANGAN TANAH PERKUBURAN WILAYAH BERSEPADU DI NEGERI SELANGOR

Jawatan Kuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 9/2010 yang bersidang pada 22hb. Jun 2010 bersetuju terhadap:-

- i. Memperakukan Konsep Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu untuk dilaksanakan di Negeri Selangor bagi menampung permintaan terhadap tanah-tanah perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Kramatorium dan lain-lain agama serta keperluan kepada perkongsian tapak perkuburan antara PBT;
- ii. Memperakukan empat tapak cadangan yang telah dikenalpasti sebagai tapak cadangan perkuburan wilayah bersepadu bagi Negeri Selangor dan seterusnya dibuat kajian terperinci iaitu:
 - a. Lot 2282 dan sebahagian lot 2804 RRIM, Reteling Jaya (11.29 hektar / 27.91 ekar) - MBPJ hendaklah menambah saiz tapak perkuburan ini;
 - b. Tanah Perkuburan Bersepadu MP Kajang (68.29 hektar / 168.74 ekar);
 - c. Lot 3366, Mukim Labu (40.47 hektar / 100 ekar);
 - d. Lot 5756, Mukim Sepang (161.87 hek/ 400 ekar);
- iii. PTG Negeri Selangor hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - a. Menyelaras proses pengambilan balik tanah keempat-empat tapak tersebut oleh Kerajaan Negeri;
 - b. Menyemak semula Pekeliling PTG Bil. 5/2001 berkenaan :
 - * saiz pembangunan yang perlu mematuhi keperluan penyediaan tapak kubur;
 - * kadar caruman bagi pengecualian tapak perkuburan;
- iv. JPBD Selangor bersama semua PBT dan semua PTD hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - a. Menyediakan satu pangkalan data inventori yang komprehensif bagi tapak-tapak perkuburan sedia ada di Negeri Selangor untuk memudahkan perancangan dan penyediaan tapak perkuburan secara menyeluruh; dan
- v. Mengenalpasti tapak-tapak tambahan bagi tanah perkuburan di semua PBT untuk menampung keperluan tanah perkuburan Negeri Selangor sehingga tahun 2025.



LATAR BELAKANG

Di dalam perancangan pembangunan, keperluan terhadap penyediaan kemudahan tanah perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama adalah sama pentingnya dengan penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Penyediaan kemudahan tanah perkuburan merupakan antara keperluan yang perlu diambil kira dalam setiap cadangan pembangunan terutamanya pembangunan kawasan perumahan.

Kadar pembangunan yang pesat dan peningkatan jumlah penduduk telah menyebabkan peningkatan keperluan terhadap tanah perkuburan di Negeri Selangor, berbanding penawaran terhadap tanah perkuburan sedia ada yang semakin terhad. Selain itu, rizab-rizab untuk penyediaan tapak perkuburan juga semakin berkurangan.

Mengikut acauan perancangan semasa, Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (2007) menetapkan keperluan penyediaan tanah perkuburan berdasarkan piawaian 1 hektar (2.5 ekar) tanah perkuburan bagi setiap 5000 penduduk. Pemajuan bagi setiap pembangunan yang melebihi 100 hektar (250 ekar) perlu menyediakan tanah perkuburan seluas 2.02 hektar (5 ekar). Bagi pembangunan yang kurang dari 100 hektar (250 ekar), pengecualian penyediaan tapak perkuburan adalah dibenarkan dengan syarat pemaju membayar caruman pada kadar RM62.50 bagi setiap rumah yang dibina. Kadar sumbangan yang sama juga akan disumbangkan oleh pihak Kerajaan bagi setiap unit rumah.

ISU-ISU BERKAITAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH PERKUBURAN DI NEGERI SELANGOR

- i. Permintaan terhadap tanah perkuburan di kawasan Lembah Klang khususnya semakin meningkat disebabkan kepesatan pembangunan dan peningkatan jumlah penduduk;
- ii. Kepesatan pembangunan perbandaran, perdagangan dan perumahan telah menyebabkan nilai dan harga tanah di Negeri Selangor semakin meningkat. Peningkatan nilai tanah dan potensi pembangunan yang tinggi bagi kawasan pembangunan menyebabkan penyediaan rizab perkuburan kian diketepikan;
- iii. Faktor sosial iaitu kepelbagaian kaum, adat resam dan kepercayaan di negara ini kerap menimbulkan permasalahan khususnya dari segi penentuan saiz tapak perkuburan yang berbeza-beza mengikut kaum/penganut.
- iv. Kesukaran mendapatkan tapak perkuburan terutamanya di kalangan penduduk beragama Islam kerana kawasan perkuburan sedia ada semakin terhad dan keutamaan hanya diberikan kepada jemaah daripada kalangan ahli keluarga sesuatu kawasan sahaja;
- v. Kekurangan kemudahan krematorium untuk menampung keperluan pengkebumian penganut Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama yang memilih kaedah pembakaran;
- vi. Pemaju hartanah yang sering memohon pengecualian penyediaan tapak perkuburan di dalam permohonan kebenaran merancang kerana tidak bersetuju sebahagian daripada tanah pembangunan mereka dijadikan rezab perkuburan; dan

vii. Kadar caruman untuk pengecualian tapak perkuburan semasa yang perlu dibayar oleh pemaju, iaitu RM2.50 bagi setiap rumah yang dibina, merupakan kadar yang lama (sejak tahun 2001 – berdasarkan *Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 5/2001*) dan tidak lagi bersesuaian dengan tahap pembangunan semasa dan kos pengambilan balik tanah yang kian meningkat. Kadar ini perlu ditingkatkan untuk disesuaikan dengan keperluan pembangunan semasa.

Dengan penduduk yang semakin meningkat dan tanah pembangunan yang semakin terhad, penawaran dan keperluan tanah perkuburan di Negeri Selangor perlu dilihat secara menyeluruh untuk mengena pasti keperluan penyediaan tapak perkuburan sehingga tahun 2025 bagi setiap PBT.

Di Negeri Selangor, keperluan untuk penyediaan tanah perkuburan adalah lebih mendesak di kawasan-kawasan PBT yang mempunyai tahap pembangunan dan kadar perbandaran yang tinggi khususnya di Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Kajang.

Bagi memenuhi permintaan terhadap keperluan penyediaan tanah perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama, konsep pembangunan Perkuburan Wilayah Bersepadu atau *Integrated Regional Cemetery* dilihat merupakan salah satu alternatif terbaik untuk dilaksanakan di negeri ini, terutamanya bagi kawasan PBT-PBT yang pesat membangun.

Konsep Perkuburan Wilayah Bersepadu akan memungkinkan perkongsian tanah perkuburan antara PBT bagi saling melengkapi keperluan pembangunan dan penggunaan sumber tanah yang lebih optimum di Negeri Selangor.



KONSEP PERKUBURAN WILAYAH BERSEPADU

Konsep Perkuburan Wilayah Bersepadu di sini didefinisikan sebagai konsep yang menggabungkan dua aspek iaitu:

- i. Perkuburan Wilayah – pembangunan tanah perkuburan di suatu kawasan yang boleh menampung keperluan tanah perkuburan bagi beberapa kawasan PBT yang berjiran dan terletak berhampiran (iaitu maksimum 45 minit perjalanan dengan menggunakan jaringan perhubungan jalanraya yang baik).
- ii. Perkuburan Bersepadu – merupakan suatu pembangunan tapak perkuburan yang menempatkan tanah perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu serta lain-lain agama dan kemudahan krematorium di dalam satu kawasan yang dibangunkan secara bersepadu dan terancang.

Melalui konsep ini, perancangan tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu turut menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti pejabat pentadbiran, surau, bangunan krematorium, tandas awam, laluan akses dan pejalan kaki, tempat meletak kenderaan dengan zon penampungan yang bersesuaian sebagai perancangan yang komprehensif.



Konsep perkuburan wilayah bersepadu dicadangkan untuk dilaksanakan di Negeri Selangor mengikut lokasi dan wilayah-wilayah kedudukan PBT. Bagi setiap zon wilayah, beberapa tapak perkuburan wilayah bersepadu perlu dikenalpasti mengikut kewujudan tapak, kadar kemudahsampaian dan kemudahan aksesibiliti yang dicadang dikongsi bersama antara PBT yang berhampiran bagi memenuhi keperluan penduduk setempat dan PBT berjiran.



Konsep perkuburan wilayah bersepadu yang boleh dijadikan contoh di negara ini adalah seperti di Taman Selatan Putrajaya iaitu pembangunan tapak perkuburan secara bersepadu seluas 167 hektar (412.7 ekar) yang dibangunkan secara terancang di Presint 20, Putrajaya. Pembangunan di Taman Selatan meliputi tanah perkuburan Islam, jirat Cina, perkuburan Hindu dan perkuburan Kristian. Perancangan Taman Selatan turut dilengkapi dengan kemudahan krematorium, ruang kolamborium, pejabat pentadbiran, musolla (surau), depot penyelenggaraan, perumahan kakitangan, elemen-elemen landskap yang menarik serta tempat letak kenderaan, jalan dalaman dan perparitan yang teratur.

Sejumlah 4 tapak perkuburan dengan jumlah keluasan 281.92 hektar (696.6 ekar) telah dikenalpasti berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak perkuburan wilayah bersepadu di Negeri Selangor iaitu:

- i. RRIM, Petaling Jaya
- ii. Tanah Perkuburan Bersepadu MPKj, Hulu Langat
- iii. Lot 3366, Mukim Labu, Sepang
- iv. Lot 5756, Mukim Sepang, Sepang

Laporan Halatuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 telah menetapkan bahawa sebanyak 37.0% daripada guna tanah di Negeri Selangor adalah gunatanah perbandaran, yang akan mempunyai implikasi kepada keperluan penyediaan tapak-tapak perkuburan. Oleh yang demikian, penggunaan tanah yang lebih optimum dan efisien melalui perancangan Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu merupakan pendekatan terbaik untuk menyelesaikan kekurangan tanah perkuburan di antara PBT-PBT di Negeri Selangor.

TAHAP KECUKUPAN TAPAK PERKUBURAN MENGIKUT PBT SEHINGGA TAHUN 2025

PBT	KEPERLUAN TANAH PERKUBURAN SEHINGGA 2025	TAPAK PERKUBURAN SEMASA (2010) YANG BELUM DIHUNI	CATATAN
MBSA	172.12	194.34	Mencukupi
MBPJ	161.49	19.9	Tidak Mencukupi
MPSJ	144.44	30.19	Tidak Mencukupi
MPSpg	70.82	106.91	Mencukupi
MPKj	195.48	87.78	Tidak Mencukupi
MPAJ	124.35	23.8	Tidak Mencukupi
MPK	338.8	95.54	Tidak Mencukupi
MPS	164.2	198.45	Mencukupi
MDKS	96.53	24.36	Tidak Mencukupi
MDKL	82.39	126.75	Mencukupi
MDHS	68.59	75.55	Mencukupi
MDSB	49.08	65.2	Mencukupi
SELANGOR	1668.29 hek	1048.76 hek	TIDAK MENCUKUPI

Sumber: Anggaran daripada maklumat PBT-PBT, 2010

CADANGAN TAPAK PERKUBURAN WILAYAH BERSEPADU DI NEGERI SELANGOR


PBT/LOKASI	NO LOT	KELUASAN	GUNATANAH SEMASA	CADANGAN GUNATANAH RT/DRT	PEMILIKAN TANAH
1. MB Petaling Jaya					
• RRIM	2282 dan sebahagian lot 2804	68.94 ek (27.91 hek)	Pertanian	Rizab perkuburan	RRIM
2. MP Kajang					
• Tanah Perkuburan Bersepadu MPKj	1172, 448, 1174, 504, 648, 495, 170, 547, 600, 395, 449, 296, 586, 722, 587, 552, 540, 725, 721, 588, 1690, 872, 723, 1100, 727, 726, 724, 541, 302 dan 728	168.74 ek (68.29 hek)	Pertanian	Rizab perkuburan	
3. MP Sepang					
• Lot 3366 Mukim Labu	3366	100 ek (40.47 hek)	Pertanian	Pertanian	Tetuan Ladang KLIA
• Lot 5756 Mukim Sepang	5756 (Lot asal 1417)	400 ek (161.87 hek)	Pertanian	Pertanian	Tetuan Sime Darby
JUMLAH KELUASAN		737.68 ek (298.54 hek)			

Sumber: MB Petaling Jaya, DRT MP Kajang 2020 dan MP Sepang

CONTOH TANAH PERKUBURAN WILAYAH BERSEPADU DI TAMAN WILAYAH SELATAN PUTRAJAYA



Tanah Perkuburan Islam



Tanah Perkuburan Buddha

PERMOHONAN MEWARTAKAN RIZAB PANTAI DI NEGERI SELANGOR



Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bt. 4/2010 yang bersidang pada 17hb. Ogos 2010 telah membuat perimbangan :-

- i. Bersetuju terhadap perizapan kawasan pantai di Negeri Selangor;
- ii. JPS mengangkat permohonan ini ke Pihak Berkuasa Negeri untuk pewartan rizab pantai di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 dengan kawalan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan diurus tadbir oleh JPS; dan
- iii. JPS, JPBD, JAS, LUAS, semua Pejabat Tanah & Daerah dan semua PBT yang berkaitan hendaklah memperincikan zoning gunatanah dalam jarak 3 batu nautika ke laut dan 1 batu ke darat.

LATAR BELAKANG

Pewartan rizab pantai di Negeri Selangor adalah di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965 dengan kawalan dan pengawasan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Panjang pantai Negeri Selangor ialah 213 km dari muara Sungai Sepang Besar di Daerah Sepang hingga ke muara Sungai Bernam di Daerah Sabak Bernam. Pantai Negeri Selangor merangkumi lima (5) daerah iaitu Sepang, Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Negeri Selangor mempunyai zon pantai yang semakin pesat membangun selaras dengan peningkatan penduduk dan perkembangan kawasan bandar-bandar pesisir pantai seperti Klang, Sungai Besar, Sekinchan, Banting dan Teluk Panglima Garang. Klang juga merupakan bandar pelabuhan utama di pantai barat Semenanjung Malaysia. Perkembangan

ini telah membawa pembukaan tanah-tanah baru di sepanjang pesisir pantai dan pertukaran syarat dari pertanian ke komersil seperti yang telah dialami di Daerah Sepang dan Daerah Kuala Langat. Perkembangan ini dapat dilihat melalui sektor pelancongan dengan pembukaan hotel-hotel di pantai Morib dan Sepang.

Zon pinggir pantai atau *foreshore* adalah kawasan yang dinamik iaitu kawasan yang sentiasa berubah-ubah akibat tindakan ombak dan air pasang surut. Keluasan kawasan pinggir pantai berbeza dari setempat ke setempat bergantung kepada cerun pantai dan ketinggian tikas air pasang perbani. Larian ombak boleh menjangkau melebihi tikas air pasang perbani ke belakang pantai. Keseluruhan kawasan pinggir pantai dan zon larian ombak ini adalah dianggap dipengaruhi oleh proses-proses pantai.



Dalam konteks pantai, pertimbangan menetapkan rizab dari segi fizikal perlu mengambilkira kawasan pinggir pantai dan juga zon larian ombak.


Garis Panduan JPS 1/1997 bertajuk **Garis Panduan Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan Di Kawasan Pantai** menyatakan bahawa **bagi pantai berpasir, jarak anjakan pembangunan hendaklah 60 meter** daripada tikas air pasang perbani untuk pantai berpasir sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1. **Bagi pantai berlumpur yang ditumbuhi paya bakau pula, anjakannya adalah 100 meter ke darat diukur daripada barisan pohon bakau yang pertama menghadap laut. Anjakan 100m ini adalah berdasarkan pengesyoran yang terkini dari JPS Malaysia.**



KEPERLUAN MEWARTAKAN RIZAB PANTAI

Di Negeri Selangor, pantai-pantainya yang berlumpur sering terdapat hutan bakau. Sebahagian besar kawasan seperti ini di antara Kuala Selangor hingga ke Sabak Bernam telah diteroka dan kini adalah tanah-tanah pertanian yang dipertahankan dengan ban pantai. Ban-ban pantai yang merupakan laluan utama ke pinggir pantai telah dibina oleh JPS untuk tujuan mengekang kemasukan air laut. **Sehingga kini tiada undang-undang yang melindungi atau mengawal penggunaan ban ini.** Kesannya ialah :

- Pencerobohan oleh pengusaha kolam-kolam udang;
- Permukaan dinaiktaraf ke jalan berturap tanpa merujuk kepada JPS;
- Kemasukan kenderaan yang lebih berat kerana jalan dinaiktaraf kepada jalan berturap; dan
- Peningkatan dalam kekerapan dan kos penyelenggaraan.



Rajah 1 : Anjakan Pembangunan Bagi Kawasan Pantai Berpasir
Sumber : JPS Malaysia

Rizab pantai bertindak sebagai zon penampungan (*buffer zone*) yang menampung impak pembangunan terhadap pinggir pantai dan impak perubahan pantai terhadap pembangunan. Justeru itu pewartaan rizab pantai adalah perlu agar fungsi-fungsi berikut terlaksana:-



Memberi Ruang untuk Perubahan Morfologi Pantai



Mengekalkan Ruang Riadah



Mengelakkan Masalah Hakisan Akibat Pembangunan



Memelihara Habitat dan Ekosistem Semulajadi




Memudahkan Penyelenggaraan Pantai



Pengawalan Terhadap Penggunaan Ban


Cadangan Rizab Pantai Pasir



Rizab Pantai Dan Anjakan Pembangunan



Cadangan Rizab Bagi Pantai Yang Telah Dibankan



Rizab Ban Pantai



KESIMPULAN

Rizab pantai mengekalkan beberapa fungsi ekologi dan ekonomi samada secara langsung atau tidak langsung dan perlu dipelihara dan dimanfaatkan secara lestari. Pewartaan rizab-rizab pantai di Negeri Selangor akan memudahkan pihak Kerajaan Negeri di dalam mengawasi serta mengawal pantai di mana program-program pembangunan, pengindahan, rekreasi, pelancongan dan penyelenggaraan dapat dijalankan secara sistematik. Ianya dapat juga memelihara pantai daripada dicero bohi oleh aktiviti-aktiviti yang tidak diingini.

Pewartaan di bawah seksyen 62, KTN yang akan digunakan, tidak akan menghalang hak dan kebebasan watan tanah yang terletak bersebelahan dengan kawasan jalur tanah yang dicadangkan untuk membangunkan tanahnya mengikut Kanun Tanah Negara atau akta-akta yang berkaitan asalkan anjakan pembangunan seperti dalam Garispanduan 1/1997



PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN

Pembatalan Keputusan Penetapan Tempoh Arahan Pematuhan Mengikut Subseksyen 21(4), Akta 172 Dalam Kertas JPNS Bil 1/2009 Bertarikh 17 Februari 2009

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 5/2010 yang bersidang pada 2hb. Disember 2010 telah membuat pertimbangan :-

- i. **Bersetuju supaya keputusan** Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2009 bertarikh 17 Februari 2009 iaitu tempoh pematuhan **tiga (3) bulan dan boleh dilanjutkan tiga (3) bulan lagi** untuk mengemukakan pindaan terhadap arahan bertulis yang ditetapkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dibatalkan;
- ii. **Bersetuju untuk menetapkan tempoh pematuhan satu (1) bulan atau 2 kali mesyuarat OSC berturut-turut** kepada pemohon untuk mengemukakan pindaan pelan Kebenaran Merancang atau dokumen atau apa-apa perkara yang diperlukan bagi maksud merancang; dan
- iii. **Bersetuju untuk menetapkan pengiraan hari bagi tempoh satu (1) bulan adalah dikira dari tarikh arahan bertulis diterima oleh pemohon.**

LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Antara Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor pada 2 Februari 2009 telah bersetuju untuk menetapkan tempoh pematuhan tiga (3) bulan kepada pemohon untuk mengemukakan pindaan pelan atau dokumen atau apa-apa perkara yang diperlukan bagi maksud merancang.

Tempoh perlanjutan boleh dilanjutkan dengan sekali perlanjutan atau tempoh tiga (3) bulan. Pemohon hendaklah mengemukakan alasan munasabah sebab memerlukan tempoh lanjutan di bawah Subseksyen 21(5), Akta 172. Pengiraan hari bagi tempoh tiga (3) bulan adalah dikira dari tarikh notis disampaikan kepada Pemohon mengikut Seksyen 46 Akta 172.

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2009 bertarikh 17 Februari 2009 telah bersetuju mengenai perkara-perkara seperti berikut:

- a. Menetapkan **tempoh pematuhan tiga (3) bulan** kepada pemohon untuk mengemukakan pindaan pelan atau dokumen atau apa-apa perkara yang diperlukan bagi maksud merancang;
- b. **Tempoh lanjutan** boleh dilanjutkan dengan **sekali perlanjutan atau tempoh tiga (3) bulan**. Pemohon hendaklah mengemukakan alasan munasabah sebab memerlukan lanjutan di bawah Subseksyen 21(5), Akta 172.

Semua PBT telah melaksanakan arahan ini semasa proses pertimbangan kelulusan Kebenaran Merancang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan arahan ini didapati tidak praktikal dan tidak selaras dengan **Cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 60 Bertarikh 30 Jun 2008** seperti berikut:

.....disarankan satu ketetapan untuk menghadkan tempoh Pemohon **memenuhi arahan pindaan** terhadap permohonan atau bilangan arahan ke atas perkara yang sama yang dibenarkan. Sehubungan itu pemohon hanya diberi peluang **2 kali untuk memenuhi arahan pindaan yang sama atau dalam tempoh 2 kali mesyuarat OSC berturut-turut (yang mana tempoh terpendek)** sebelum permohonan disyorkan di tolak dan permohonan baru perlu dikemukakan jika masih ada keperluan.

Oleh yang demikian, keputusan **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2009 bertarikh 17 Februari 2009** perlu dipertimbangkan semula agar selaras dengan **Cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 60 Bertarikh 30 Jun 2008**.

PEMBATALAN RANCANGAN- RANCANGAN STRUKTUR DI PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN DAERAH

Yang Telah Diwartakan
Sebelum Pewartaan
Rancangan Struktur Negeri
Selangor 2020

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 5/2010 yang bersidang pada 2hb. Disember 2010 telah membuat pertimbangan:-

- i. Memperakukan pembatalan Rancangan-Rancangan Struktur Di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Daerah yang telah diwartakan sebelum pewartaan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020.

LATAR BELAKANG

Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 14 Jun 2007 dengan Nombor Warta 1541.

Melalui pewartaan tersebut, Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 menjadi dokumen sah Pihak Berkuasa Negeri bagi menyelaras perancangan guna tanah, pembangunan infrastruktur dan pembangunan sosio ekonomi secara bersepadu.

Pihak Berkuasa Negeri juga memutuskan semua Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-agensi Kerajaan, Jabatan-jabatan Negeri/Persekutuan, pihak swasta dan peramu hartanah menggunakan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 untuk melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan mengikut bidang kuasa Jabatan masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, terdapat sebelas (11) Rancangan-Rancangan Struktur yang telah diwartakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Daerah sebelum Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 disedia dan diwartakan. Sebelas Rancangan Struktur terdahulu yang telah diwartakan adalah seperti berikut:

- a. Rancangan Struktur Klang
- b. Rancangan Struktur Putrajaya dan Sebahagian Daerah Sepang
- c. Rancangan Struktur Petaling
- d. Rancangan Struktur Subang Jaya / Shah Alam (Sebahagian Klang)
- e. Rancangan Struktur Bangi
- f. Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kajang
- g. Rancangan Struktur Ampang Jaya
- h. Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Selayang
- i. Rancangan Struktur Kuala Selangor
- j. Rancangan Struktur Sabak Bernam
- k. Rancangan Struktur Hulu Selangor





Oleh itu, sebelas Rancangan Struktur tersebut perlu dibatalkan pewartaannya memandangkan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 yang telah berkuatkuasa meliputi keseluruhan negeri.



STATUS PEWARTAAN TANAH LAPANG AWAM NEGERI SELANGOR SEHINGGA OKTOBER 2010



Jawatan Kuasa Perancang Negeri Selangor B51.5/2010 yang bersidang pada 2hb. Disember 2010 telah bersetuju :-

- i. Mengambil maklum mengenai status pewartaan tanah lapang awam Negeri Selangor sehingga Oktober 2010.
- ii. Mengambil maklum permohonan tanah lapang untuk tujuan pewartaan sehingga Oktober 2010 menunjukkan peningkatan sebanyak 259.12 ekar (2.97%) iaitu dari 8,718.73 ekar (sehingga Jun 2010) kepada 8,977.85 ekar; dan
- iii. Agensi-agensi berkaitan yang terlibat dalam proses pewartaan tanah lapang awam perlu mengambil langkah-langkah bagi mempercepatkan proses pewartaan dengan :-
 - a. Memohon kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor (JUPBM) untuk menyediakan pelan warta;
 - b. Memohon kerjasama Pentadbir Tanah Daerah menyekut serta menyediakan draf warta bagi tujuan pewartaan untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian Selangor; dan
 - c. Memohon kerjasama Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor bagi membuat serakan draf pewartaan yang disediakan oleh Pejabat Tanah Dan Daerah.

TAFSIRAN TANAH LAPANG

Mengikut tafsiran Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), tanah lapang bermaksud mana-mana tanah sama ada dikepong atau tidak yang dikhaskan atau dirizabkan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu tempat awam. Lain-lain struktur bangunan untuk tujuan riadah dan rekreasi atau tujuan awam lain akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa. Contohnya taman bunga awam, taman awam, padang sukan, padang permainan, taman rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam, padang-padang permainan di kawasan perumahan, dewan serba guna untuk 'indoor game' seperti badminton, sepak takraw, padang bola sepak;



LATAR BELAKANG

Semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah di Negeri Selangor telah diminta untuk mengemukakan pelan dan maklumat kawasan yang perlu diwartakan secara berperingkat mengikut keutamaan untuk diwartakan dan diselaraskan oleh pihak Pusat R&D, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dari semasa ke semasa secara berperingkat.

Tapak-tapak kawasan lapang tersebut akan diwartakan dan diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan akan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan Negeri boleh merizab mana-mana tanah kerajaan untuk apa maksud awam secara pemberitahuan dalam warta selaras dengan Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

Tujuan perizaban tanah kerajaan di bawah Seksyen 62, KTN 1965 hendaklah semata-mata untuk kegunaan awam dan perizaban tersebut tidak boleh dibuat untuk faedah individu atau badan tertentu.

Tanah yang dirizabkan untuk kegunaan awam di bawah Seksyen 62, KTN 1965 hendaklah digunakan semata-mata untuk tujuan ia dirizabkan. Sekiranya tanah tersebut tidak lagi diperlukan untuk tujuan sepertimana yang telah diwartakan, warta perizaban tanah tersebut hendaklah dibatalkan di bawah Seksyen 64, KTN 1965.

Jumlah Tanah Lapang Dalam Proses Pewartaan bagi Tahun 2010

Sebanyak 6,647 kawasan lapang telah dihantar ke UPEN untuk tujuan pewartaan tanah lapang. Sebanyak 49 kawasan (0.74%) masih di dalam proses pewartaan. Peringkat proses yang terbanyak adalah peringkat penyediaan kertas ringkasan teknikal di Pejabat Tanah dan Daerah.



Jumlah Tanah Lapang Yang Telah Siap Diwartakan bagi Tahun 2010

Sebanyak 5,123 kawasan telah berjaya diwartakan, hanya meliputi sebanyak 77.07 peratus daripada keseluruhan bilangan permohonan pewartaan di Negeri Selangor. Pewartaan yang paling tinggi adalah di kawasan Majlis Perbandaran Kajang sebanyak 1,511 kawasan diikuti kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam sebanyak 814 kawasan dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya sebanyak 593 kawasan.

Tindakan Yang Telah Dilaksanakan oleh UPEN

Dalam usaha meningkatkan proses pewartaan tanah lapang, satu Jawatankuasa Pewartaan Tanah Lapang telah ditubuhkan. Pihak yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini adalah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Jabatan Ukur Negeri Selangor, JPBD Negeri Selangor, UPEN, semua Pejabat Tanah Dan Daerah dan semua Pihak Berkuasa Tempatan.



KEDUDUKAN KEMAJUAN TANAH LAPANG AWAM MENGIKUT PIHAK BERKUALA TEMPATAN NEGERI SELANGOR JANUARI – OKTOBER 2010

NEGERI / PBT	Tanah Lapang Awam Mengikut Status (Ekar)						Anggaran Luas Tanah Lapang	
	Telah Diwartakan (A)		Dalam Proses (B)		Belum Diwartakan (C)			
	Bil. Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	Bil. Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	Bil. Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	Bil. Kaw.	Anggaran Luas Tanah Lapang (A+B+C) Ekar
SELANGOR								
MB Shah Alam	814	1,019.73	-	-	-	-	814	1,019.73
MB Petaling Jaya	439	2,060.00	-	-	-	-	439	2,060.00
MP Subang Jaya	306	727.26	21	32.37	612	819.06	939	1,578.69
MP Klang	392	366.61	-	-	43	62.89	435	419.50
MP Ampang Jaya	693	520.31	-	-	26	22.81	619	543.12
MP Kajang	1,511	1,178.84	-	-	-	-	1,511	1,178.84
MP Selayang	353	412.86	5	2.38	313	227.63	671	642.87
MP Sepang	215	205.41	5	1.58	273	299.74	493	506.73
MD Kuala Langat	278	164.49	-	-	-	-	278	164.49
MD Hulu Selangor	68	127.07	2	3.62	-	-	70	130.69
MD Kuala Selangor	114	152.14	-	-	122	298.48	236	450.62
MD Sabak Bernam	40	114.07	-	-	-	-	40	114.07
Luar PBT (JPBD)	MP Sepang	-	-	-	9	15.75	9	15.75
	MDKL	-	10	17.60	45	78.75	55	96.25
	MDSB	-	2	3.60	6	10.60	8	14.00
	MDHS	-	4	7.00	13	22.75	17	29.75
	MDKS	-	-	-	13	22.75	13	22.75
JUMLAH	5,123	7,038.79	49	67.95	1,475	1,871.11	6,647	8,977.85
* Peratusan (%)	0	77.07		0.74		22.19		

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Teloh Diwartakan

Teloh siap kelulusan pewartan oleh Y.A.B Menteri Besar atau telah mendapat Pelan Aktif atau telah mendapat No. Waris

Dalam Proses

Teloh mendapat kelulusan MMWN atau telah dihantar ke Pejabat Daerah / Tanah untuk penyediaan kertas ringkasan teknikal

Belum Diwartakan

Kawasan lapang yang telah diuluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBP) atau Pihak Berkuasa Tempatan atau JPBD Negeri atau tanah yang tidak diulaskan selaras proses bagi pewartan

KERTAS KERJA YANG TELAH DIBENTANGKAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR PADA TAHUN 2010

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	KERTAS MESYUARAT	
Mesyuarat JPNS Bil. 1/2010	02 Februari 2010	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	1
		Kertas Pengawasan Perancangan	3
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	1
		Jumlah Kertas Kerja :	6
Mesyuarat JPNS Bil. 2/2010	20 April 2010	Kertas Dasar	0
		Kertas Rancangan Pemajuan	2
		Kertas Pengawasan Perancangan	4
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	5
		Jumlah Kertas Kerja :	11
Mesyuarat JPNS Bil. 3/2010	22 Jun 2010	Kertas Dasar	4
		Kertas Rancangan Pemajuan	1
		Kertas Pengawasan Perancangan	0
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	4
		Jumlah Kertas Kerja :	9
Mesyuarat JPNS Bil. 4/2010	17 Ogos 2010	Kertas Dasar	0
		Kertas Rancangan Pemajuan	4
		Kertas Pengawasan Perancangan	1
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	3
		Jumlah Kertas Kerja :	8
Mesyuarat JPNS Bil. 5/2010	02 Dis 2010	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	5
		Kertas Pengawasan Perancangan	1
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	4
		Jumlah Kertas Kerja :	11
JUMLAH KESELURUHAN KERTAS DIBENTANG DALAM MESYUARAT JPNS TAHUN 2010		Kertas Dasar	6
		Kertas Rancangan Pemajuan	13
		Kertas Pengawasan Perancangan	9
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	17
		JUMLAH KERTAS KERJA :	45

SENARAI KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN 2010

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS
Bil. 1/2010 2 Februari 2010	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/1/2010 Kajian Semula Rancangan Fizikal Negara (RFN 2)
	2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/1/2010 Cadangan Permohonan Projek-Projek Rancangan Pembangunan Negeri Selangor Bagi tempoh RMK-10
	3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/1/2010 Permohonan Pertimbangan Dan Kelulusan Jawatankuasa Terhadap Arahan Kepada Pemaju Tetuan Centralfields Sdn.Bhd. Untuk Meminda Pelan Susunatur Bagi Sebahagian Kawasan Pembangunan Seluas 300.00 Ekar Di Nusa Rhu, Seksyen U10, Shah Alam Yang Terlibat Dengan Cadangan Jalan Keluar Masuk Ke Tapak Pembangunan Tetuan Tani Kukuh Sdn.Bhd., Tetuan Indi Makmur Sdn. Bhd. Dan Tetuan Lunar Hati Sdn. Bhd. Di Seksyen U10, Shah Alam Selaras Dengan Pelan Induk Seksyen U10.
	4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/1/2010 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Susunatur Pembangunan Bercampur Seluas 465.22 Ekar, Di Atas PT 8 (Lot 8098) Dan PT 9 (Lot 8091), Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Seksyen U12, Shah Alam Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Jendela Hikmat Sdn. Bhd.
	5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/1/2010 Kertas Perakuan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn Bhd.
	6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/1/2010 <i>Kajian Central Forest Spine : Masterplan For Ecological Linkages</i>
Bil. 2/2010 30 April 2010	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/2/2010 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2020 (Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2) Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.
	2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/2/2010 Cadangan Asas Rujukan Rancangan Tempatan Klang (Pengubahan) 2020

**BIL. MESYUARAT
TARIKH**
TAJUK KERTAS

3. **KERTAS JPN SEL. BIL. 3/2/2010**
Cadangan Pemajuan Di Bawah Subseksyen 22 (2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) : Permohonan Kebenaran Merancang Dan Pecah Sempadan Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur (Perumahan Dan Perniagaan) KTN Di Atas Lot 51795 (Lot Asal 6415) Dan Lot 51966 – Lot 51967 (Lot Asal 6412), Jalan Banting, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Khoo Soon Lee Realty Sdn. Bhd.
4. **KERTAS JPN SEL. BIL. 4/2/2010**
Cadangan Pemajuan Di Bawah Subseksyen 22 (2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Tanah Kepada Plot-Plot Industri (MARITIM) Dan Tapak Selangor Yatch Club Di Atas Lot 74082, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Inai Kiara Sdn. Bhd.
5. **KERTAS JPN SEL. BIL. 5/2/2010**
Cadangan Kajian Pindaan Nisbah Plot Dan Insentif Penyediaan Sebanyak 30 Peratus (30%) Tempat Letak Kereta (TLK) Bagi Pembangunan Komersil (Pejabat Korporat, Hotel/Soho, Pangsapuri Servis Dan Podium Perniagaan) Di Atas Lot- Lot 7674-7678, 8299, PT 4861 Dan PT 4870 Seksyen 2, Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
6. **KERTAS JPN SEL. BIL. 6/2/2010**
Cadangan Pelan Induk Strategik Bandar Wawasan Selangor (Selangor Vision City-SVC), Mukim Sungai Buloh, Mukim Damansara & Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling Dan Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Oleh Tetuan Sime Darby Property Berhad.
7. **KERTAS JPN SEL. BIL. 7/2/2010**
Pemakluman Keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Permohonan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) : Cadangan Pembangunan Bercampur Di Pekan Pasir Penambang Melalui Menyerah Balik Dan Memberi Milik Semula Tanah Lot 14, 15, 27, 32, 469, 474, 617, 618, 619, 620 Dan 655 Kampung Pasir Penambang, Mukim Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.
8. **KERTAS JPN SEL. BIL. 8/2/2010**
Pemakluman Keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Permohonan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) : Cadangan Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 246, 300, 660-663, 1028, 1029, 1070 Dan Lot 1127, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.
9. **KERTAS JPN SEL. BIL. 9/2/2010**
Pemakluman Keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Permohonan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) : Cadangan Pembangunan Bercampur Bagi Perumahan, Perniagaan Dan Perindustrian Di Atas Sebahagian Lot 34021, 34022, 34023 Dan 34026, Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar Daerah Klang.
10. **KERTAS JPN SEL. BIL. 10/2/2010**
Laporan Kemajuan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2009.
11. **KERTAS JPN SEL. BIL. 11/2/2010**
Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT JPNS) Bil. 1/2010 Pada 22 April 2010.

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS
Bil. 3/2010 22 Jun 2010	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/3/2010 Cadangan Garis Panduan Perancangan Bagi Pembangunan 'Small Office Home Office' (SOHO) Di Negeri Selangor.
	2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/3/2010 Cadangan Garis Panduan Perancangan Bagi Pangsapuri Perkhidmatan (<i>Service Apartment</i>) Di Negeri Selangor.
	3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/3/2010 Penyediaan Kawasan Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Kos Sederhana Secara Berintegrasi Dengan Perumahan Kategori Lain Dalam Perancangan Tatatur Perumahan.
	4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/3/2010 Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Terhadap Draf Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Pusu 2020, Daerah Gombak Serta Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadapnya.
	5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/3/2010 Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri (JKT JPNS).
	6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/3/2010 Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga Jun 2010.
	7. KERTAS JPN SEL. BIL. 7/3/2010 Laporan Pelaksanaan Program Bandar Selamat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor Bagi Tahun 2010.
	8. KERTAS JPN SEL. BIL. 8/3/2010 Keperluan Tanah Perkuburan Dan Cadangan Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu Di Negeri Selangor.
	9. KERTAS JPN SEL. BIL. 9/3/2010 Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Bil. 1/2010 Bertarikh 16hb. Jun 2010.
Bil. 4/2010 17 Ogos 2010	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/4/2010 - Taklimat Pelan Induk KLIA dan Aeropolis City oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) - Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Terhadap Draf Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Daerah Sepang Dan Program Publisiti Serta Penyertaan Awam Terhadapnya
	2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/4/2010 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.
	3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/4/2010 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS
	4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/4/2010 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri. 5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/4/2010 Cadangan Pindaan Nisbah Plot, Bilangan Tingkat Dan Insentif Perlaksanaan 'Green Building' Bagi Pembangunan Perniagaan Yang Mengandungi 3 Blok Pejabat 40 Tingkat Dan 1 Blok Hotel 40 Tingkat Di Atas Podium Perniagaan 5 Tingkat Di Atas Lot No. PT 2925 Dan PT 4313, USJ 25, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Subang Residency Sdn. Bhd. 6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/4/2010 Permohonan Mewartakan Rizab Pantai Di Negeri Selangor. 7. KERTAS JPN SEL. BIL. 7/4/2010 Pemakluman Terhadap Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor. 8. KERTAS JPN SEL. BIL. 8/4/2010 Pemakluman Keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Permohonan Di Bawah Subseksyen 22(2a) Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) : Kertas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.
Bil. 5/2010 2 Disember 2010	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/5/2010 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan : Pembatalan keputusan Penetapan Tempoh Arahan Pematuhan Mengikut Subseksyen 21(4), Akta 172 dalam Kertas JPNS Bil 1/2009 bertarikh 17 Februari 2009. 2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/5/2010 Menimbangkan Cadangan Lanjutan Tempoh Masa Perancangan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 1) Sehingga Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 2) Diwartakan. 3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/5/2010 Pembatalan Rancangan-Rancangan Struktur Di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Daerah Yang Telah Diwartakan Sebelum Pewartaan Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSN) 2020. 4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/5/2010 Cadangan Pindaan Sebahagian Zoning Guna Tanah Blok Perancangan (BP) iaitu BP 1, BP 2, BP 4, BP 5, BP 6, BP 8 Dan BP 9 Bagi Rancangan Tempatan Klang 2002 – 2015. 5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/5/2010 Cadangan Pindaan Zoning Guna Tanah Tapak Milik Lembaga Getah Malaysia Di Sungai Buloh Dalam Blok Perancangan Kecil 1.5 Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020 Dan Dalam Blok Perancangan Kecil 2.1 Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2. 6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/5/2010 Cadangan Pindaan Sebahagian Zoning Guna Tanah Blok Perancangan (BP) iaitu BP 1, BP 2, BP 3, BP 5, BP 6, BP 7 Dan BP 8 Bagi Rancangan Tempatan Daerah Sepang 2015.

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS
7.	KERTAS JPN SEL. BIL. 7/5/2010 Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172 Bagi Cadangan Pembangunan Perniagaan Di Bawah Seksyen 204D, KTN Di Atas Lot 168 (PT 34799), Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Teluan Sierra Delima Development Sdn. Bhd.
8.	KERTAS JPN SEL. BIL. 8/5/2010 Pemakluman Terhadap Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor.
9.	KERTAS JPN SEL. BIL. 9/5/2010 Laporan Kemajuan Pelaksanaan Agenda 21 Selangor Dan Agenda 21 Tempatan (LA21) Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.
10.	KERTAS JPN SEL. BIL. 10/5/2010 Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga Oktober 2010.
11.	KERTAS JPN SEL. BIL. 11/5/2010 Cadangan Menetapkan Harga Jualan Bagi Laporan-Laporan Rancangan Pemajuan, Manual Garis Panduan Dan Peta Perancangan Negeri Selangor Edisi Kedua Dan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Soho Dan Pangsepuri Perkhidmatan Negeri Selangor.

www.jpbdselangor.gov.my



Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40646 Shah Alam, Selangor